

**NO. SOALAN:41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI  
OMAR [ POKOK SENNA ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018 [ SELASA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penyewaan bangunan menara TH Platinum yang dibeli dari NAZA TTDI Sdn Bhd pada tahun 2014 dengan harga hampir RM450 juta dan apakah Internal Rate of Return buat bangunan tersebut serta bila TH dijangka mendapat kembali modal pembelian bangunan tersebut.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pulangan dari satu-satu pelaburan hartanah adalah dinilai dari dua sudut iaitu nilai pasaran semasa hartanah tersebut dan pulangan dari penyewaan (*rental yield*). Nilai pasaran semasa hartanah TH Platinum mempunyai potensi untuk meningkat (berbanding harga

belian) pada masa hadapan memandangkan ianya terletak di dalam kawasan segitiga emas Kuala Lumpur. Pada masa ini, Lembaga Tabung Haji (**TH**) tidak bercadang untuk menjual bangunan tersebut bagi mendapat pulangan serta-merta atas pelaburannya.

Dari segi penyewaan pula, pada masa ini Menara TH Platinum mencatat kadar hunian 34.0 peratus dengan kadar pulangan sekitar 2.0 peratus. **TH** yakin kadar hunian bangunan akan meningkat, apabila sektor industri minyak dan gas serta pasaran hartanah komersil domestik kembali meningkat. Keyakinan ini juga disokong oleh pembangunan infrastruktur pengangkutan awam iaitu laluan MRT Sungai Buloh - Serdang – Putrajaya (SSP) yang dijangka beroperasi pada suku pertama tahun 2023. Stesen KLCC East ini berada di dalam laluan SSP dan lokasinya lebih kurang 100 meter dari Menara TH Platinum yang dijangka akan meningkatkan permintaan ruang pejabat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN :42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING (SERDANG)**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2018**

**DR. ONG KIAN MING (SERDANG)** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah bayaran kepada MMC setakat ini untuk projek Sistem Loji Rawatan Kumbahan Langat (CSTP) dan Sistem Pembawa Pembedungan, status terkini untuk projek ini dan anggaran tarikh siap.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) Langat ini merupakan loji rawatan kumbahan kedua di Malaysia yang mempunyai ciri-ciri hijau (*Green Element*) di mana terdapat kemudahan rekreasi di dalam kawasan loji tersebut. Loji ini mempunyai kapasiti untuk menerima dan merawat 207,000m<sup>3</sup> air kumbahan setiap hari (bersamaan dengan 920,000PE) untuk menampung aliran kumbahan dari kawasan tadahan pembetungan Langat seluas 77 km<sup>2</sup> dari Batu 11 Cheras ke Kajang.
2. Sehingga Februari 2018, jumlah bayaran yang telah dibuat kepada pihak kontraktor iaitu MMC Pembetungan Langat Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM570,351,500.00 atau 38% daripada kos keseluruhan.

Tuan Yang Dipertua,

3. Pembinaan projek ini telah bermula pada 19 Oktober 2015 dan dijangka siap sepenuhnya pada 12 April 2021. Kemajuan yang dilaporkan sehingga 28 Februari 2018 adalah sebanyak 65.27% berbanding jadual iaitu sebanyak 75.96% dan mengalami kelewatan sebanyak -10.68%. Ini adalah disebabkan oleh isu-isu permohonan

dan kelulusan permit daripada pihak-pihak berkaitan di peringkat awal pelaksanaan projek.

4. Dalam hal ini, pihak kontraktor telah mengambil beberapa langkah penyelesaian seperti berikut:

- i) meningkatkan jumlah pekerja dan kumpulan pekerja (penambahan tenaga kerja dari 21 pasukan kepada 25 pasukan untuk kerja-kerja pembinaan lurang). Bagi kerja-kerja pembinaan LRKS Langat pula, pihak kontraktor sedang dalam proses menyemak dan menyusun semula jadual kerja bagi mempercepatkan kemajuan kerja di tapak.
- ii) menambah jumlah jentera yang relevan (penambahan tujuh (7) nos *Micro Tunnel Boring Machine* dari 25 nos kepada 32 nos) bagi kerja – kerja pemasangan sistem rangkaian paip pembedungan; dan
- iii) memohon kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membenarkan kerja tambahan lebih masa (jumlah jam bekerja ditingkatkan dari 8 jam kepada 24 jam sehari).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10635**

**SOALAN:**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [ Sik ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan usaha menangani perniagaan mesin-mesin judi haram, berapakah premis yang disita pada tahun 2017 dan jumlah pemilik yang didakwa dan sebagainya. Adakah usaha Kementerian berkaitan judi haram ini berkurangan ataupun peniaga-peniaga terlibat masih menjalankan operasi perniagaan mereka tetapi dengan cara atau taktik lain.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram di dalam negara. Pihak polis turut juga memantau modus operandi baharu yang digunakan sindiket untuk mencari pelanggan dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook, WeChat, WhatsApp*, melalui *Short Message Service (SMS)* atau berselindung di sebalik Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang sah atau membuka pusat perjudian haram di kawasan perumahan dan juga kondominium.

Ops Dadu Khas telah dilancarkan dengan penglibatan sejumlah 196 pasukan di seluruh negara termasuk Cawangan Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) dan Pasukan Khas STAGG Bukit Aman pada 21 September 2017 selaras dengan arahan YDH Ketua Polis Negara yang mengisytiharkan perang secara habis-habisan terhadap aktiviti perjudian haram.

PDRM telah menyerbu sebanyak 27,203 buah premis perjudian di seluruh negara dan menangkap seramai 36,114 orang meliputi pemain, penjaga premis dan juga penganjur perjudian sepanjang tahun 2017 hingga Januari 2018. Sebanyak 91,306 unit mesin perjudian dan wang tunai sebanyak RM1,756,588 turut dirampas. Selain tindakan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953, PDRM turut mengambil tindakan alternatif

terhadap penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Seksyen 3 (1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

PDRM turut bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memantau laman sesawang yang berunsurkan perjudian. Bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2018 sebanyak 911 sesawang yang berunsurkan perjudian di dalam dan luar negara telah disekat.

Sehingga kini belum ada premis yang disita kerana menganjurkan aktiviti perjudian haram. Namun, pihak polis membuat permohonan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak berkuasa bekalan air negeri untuk membuat pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis perjudian yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 21A, Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Bagi tahun 2017, sebanyak 415 buah premis telah diambil tindakan untuk dibuat pemotongan air dan elektrik.

Hasil daripada pemantauan dan pemeriksaan yang dibuat, premis yang pernah diserbu tidak lagi beroperasi semula dan keseluruhan premis perjudian telah ditutup sepenuhnya. Namun demikian, usaha menangani aktiviti perjudian daripada beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat dan kesedaran masyarakat umum untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Secara mudahnya aktiviti perjudian ini akan terus wujud jika ada pemainnya.